

SOALAN LAZIM
BAYAR KONSISTEN, HATI SENANG 3.0

1. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan kempen **Bayar Konsisten, Hati Senang 3.0**?

Jawapan:

Kempen **Bayar Konsisten, Hati Senang 3.0** merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan peminjam PTPTN melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN secara konsisten, mudah dan selamat melalui saluran potongan gaji dan debit terus (*direct debit*).

2. Soalan:

Bilakah kempen ini akan bermula?

Jawapan:

Kempen ini akan bermula pada **1 Jun 2026** dan **berakhir pada 31 Oktober 2026**.

3. Soalan:

Bilakah **tempoh permohonan** untuk **memohon potongan gaji dan debit terus** (*direct debit*) bagi pelanggan baharu?

Jawapan:

Tempoh permohonan akan bermula pada **1 Jun 2026** dan **berakhir pada 31 Ogos 2026**.

4. Soalan:

Siapakah yang **layak** untuk menyertai kempen ini?

Jawapan:

Kempen ini terbuka kepada peminjam PTPTN:-

- i. Peminjam konvensional ataupun ujah;
- ii. Peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN di dalam tempoh kempen; dan
- iii. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN serta ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak-anak).

5. Soalan:

Apakah syarat penyertaan dan kelayakan cabutan bagi kempen ini?

Jawapan:

Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Perkara	Pengguna Baharu	Pengguna Sedia Ada
i.	Potongan Gaji	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang memohon potongan gaji dalam tempoh permohonan.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui potongan gaji dalam tempoh kempen.
		Kelayakan Cabutan	<p>i. Pelanggan baharu hendaklah membuat permohonan potongan gaji di dalam tempoh 1 Jun 2026 sehingga 31 Ogos 2026. Satu (1) cabutan akan diberikan kepada permohonan dan transaksi yang berjaya dalam tempoh kempen; dan</p> <p>ii. Satu (1) cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen.</p>	Satu (1) cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen .
ii.	Debit Terus (Direct Debit)	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang memohon debit terus (direct debit) melalui <i>e-mandate</i> dalam tempoh permohonan.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui debit terus (direct debit) dalam tempoh kempen.
		Kelayakan Cabutan	<p>i. Pelanggan baharu hendaklah membuat permohonan debit terus (direct debit) melalui <i>e-mandate</i> di dalam tempoh 1 Jun 2026 sehingga 31 Ogos 2026. Satu (1) cabutan akan diberikan kepada permohonan dan transaksi yang berjaya dalam tempoh kempen; dan</p> <p>ii. Satu (1) cabutan bagi setiap transaksi debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen.</p>	Satu (1) cabutan bagi setiap transaksi debit terus (<i>direct debit</i>) yang berjaya di dalam tempoh kempen dan pelanggan perlu memastikan tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen .

6. **Soalan:**
Apakah hadiah yang ditawarkan untuk kempen ini?

Jawapan:
Hadiah yang ditawarkan kepada pemenang adalah:

Kategori 1: Potongan Gaji

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM1,000	5 Pemenang
Saguhati	RM500	40 Pemenang

Kategori 2: Debit Terus (*Direct Debit*)

Pemenang	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM1,000	5 Pemenang
Saguhati	RM500	40 Pemenang

7. **Soalan:**
Adakah peminjam perlu memastikan bayaran balik pinjaman yang dibuat melalui potongan gaji atau debit terus (*direct debit*) kekal aktif?

Jawapan:
Ya, peminjam perlu memastikan bayaran balik pinjaman yang dibuat melalui potongan gaji atau debit terus (*direct debit*) kekal aktif sehingga **tarikh cabutan dan tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen bagi melayakkan cabutan**, kecuali bagi pinjaman yang telah dibuat penyelesaian penuh.

8. **Soalan:**
Adakah peminjam perlu membuat permohonan untuk melayakkan penyertaan bagi kempen ini?

Jawapan:
Tidak perlu kerana kelayakan bagi menyertai kempen ini adalah secara automatik bagi peminjam yang telah memenuhi terma dan syarat.

9. **Soalan:**
Sekiranya berlaku kematian peminjam dalam tempoh kempen, adakah akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan?

Jawapan:
Layak, akaun pinjaman tersebut masih layak untuk menyertai cabutan, tertakluk kepada terma dan syarat kempen.

10. Soalan:

Sekiranya seorang peminjam telah membuat **permohonan potongan gaji** pada bulan **Ogos 2026** iaitu bulan terakhir tempoh permohonan dan **transaksi yang berjaya** adalah pada bulan **Nov 2026**. Adakah peminjam ini layak untuk mendapat kelayakan cabutan?

Jawapan:

Tidak layak, kerana transaksi potongan gaji adalah **di luar tempoh kempen**.

11. Soalan:

Peminjam A adalah merupakan pelanggan sedia ada, pada bulan **Jun sehingga Ogos 2026**, transaksi melalui debit terus (*direct debit*) **telah berjaya**. Pada bulan **September dan Oktober 2026**, transaksi **tidak berjaya** dipotong kerana tidak mencukupi baki amaun di dalam bank peminjam A. Adakah peminjam ini layak untuk mendapat kelayakan cabutan?

Jawapan:

Tidak layak, kerana peminjam perlu memastikan **tiada kegagalan transaksi sehingga tamat tempoh kempen**.

12. Soalan:

Peminjam B telah membuat permohonan potongan gaji pada bulan **Jun 2026** dan **transaksi yang berjaya** adalah pada bulan **Ogos 2026**. Adakah peminjam ini layak untuk mendapat kelayakan cabutan?

Jawapan:

Layak, **transaksi yang berjaya** masih di **dalam tempoh kempen**.

13. Soalan:

Bilakah tarikh cabutan akan dibuat?

Jawapan:

Secara tentatifnya, tarikh cabutan adalah **DUA PULUH (20) HARI** selepas tamat tempoh kempen. Walau bagaimanapun, tarikh ini mungkin akan berubah mengikut keperluan dan keadaan semasa.

14. Soalan:

Bagaimanakah makluman kepada pemenang kempen ini akan dibuat?

Jawapan:

Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian. Nama-nama pemenang juga akan dipaparkan di laman portal rasmi PTPTN: www.ptptn.gov.my.

15. Soalan:

Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, adakah pemenang masih akan menerima baki nilai hadiah tersebut?

Jawapan:

Jika jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri. Jika pemenang tidak mempunyai akaun tersebut, PTPTN berhak untuk membuka akaun Simpan SSPN Prime berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus.

16. Soalan:

Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan, bagaimanakah pelarasan ganjaran hadiah tunai dibuat?

Jawapan:

Sekiranya pemenang telah meninggal dunia sebelum atau semasa tempoh pengkreditan hadiah dilaksanakan, ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman milik pemenang, tanpa mengambil kira status akaun tersebut. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.

17. Soalan:

Bagaimanakah pelaksanaan pengkreditan ganjaran tunai yang dimenangi kepada pemenang dilakukan?

Jawapan:

Pelaksanaan pengkreditan ganjaran tunai yang dimenangi kepada pemenang akan dibuat berdasarkan seperti di bawah:

Situasi	Pelaksanaan Pengkreditan Ganjaran Tunai
Pemenang A memenangi hadiah utama bernilai RM1,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM2,000	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM1,000 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman
Pemenang B memenangi hadiah utama bernilai RM1,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM500 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang manakala lebih daripada hadiah tersebut berjumlah RM500, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka untuk diri sendiri.
Pemenang C memenangi hadiah utama bernilai RM1,000 dan mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500. Walaubagaimanapun, pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM500 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang manakala lebih daripada hadiah tersebut berjumlah RM500, akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime pemenang yang dibuka oleh pihak PTPTN secara <i>pre-opening</i> berdasarkan kepada butiran sedia ada peminjam di akaun Simpan SSPN Prime atau Simpan SSPN Plus
Pemenang D telah meninggal dunia semasa tempoh kempen dan memenangi hadiah utama bernilai RM1,000 serta mempunyai baki pinjaman sebanyak RM500.	Hadiah berbentuk ganjaran tunai RM1,000 yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman tanpa mengambil kira status akaun tersebut. Urusan tuntutan atau pengeluaran wang ganjaran tersebut oleh waris adalah tertakluk kepada prosedur sedia ada yang ditetapkan oleh PTPTN.

18. Soalan:

Bilakah hadiah tunai berbentuk bayaran balik pinjaman PTPTN akan dikreditkan kepada akaun pinjaman pemenang?

Jawapan:

Hadiah tunai berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN dalam tempoh DUA (2) BULAN dari tarikh pengumuman pemenang. Pemenang boleh menyemak penyata pinjaman/ simpanan di Portal Rasmi PTPTN (www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian Careline [03- 2193 3000](tel:03-21933000) untuk info lanjut.

Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami terma-terma dan syarat-syarat penuh kempen **Bayar Konsisten, Hati Senang 3.0**

Maklumat dikemaskini pada 26 Mei 2026